

1983

KUALA LUMPUR, 29 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHAWA MASYARAKAT PERNIAGAAN DI NEGARA INI HENDAKLAH MENGGEMBLING TENAGA MEMUPUK ETIKA PERNIAGAAN YANG SIHAT, MEMBINA DAN MEMBUAT SUMBANGAN KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAGI NEGARA BERBILANG KAUM, SEPERTI MALAYSIA PERKEMBANGAN SEKTOR SWASTA YANG SIHAT, SELARAS DENGAN KEHENDAK DASAR-DASAR NEGARA, BOLEH MEMPERKUKUHKAN LAGI PERPADUAN.

INI BOLEH DIANGGAP SEBAGAI SATU PELABURAN OLEH PIHAK SWASTA, KATANYA KETIKA BERUCAP DI MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA KEPADA 16 BADAN KEBAJIKAN DAN KEPADA PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA DI SINI. BELIAU IALAH PRESIDEN PERSATUAN ITU.

KATANYA TINDAKAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB OLEH MANA-MANA PIHAK YANG BOLEH MENJEJASKAN TANGGAPAN RAKYAT TERHADAP SEKTOR SWASTA BOLEH MELEMAHKAN USAHA KE ARAH ITU.

+APA JUA USAHA KITA MESTILAH MEMENTINGKAN MASYARAKAT DAN NEGARA DAN KEKAYAAN RAKYAT MEMANG MENGUNTINGKAN RAKYAT SENDIRI+, KATANYA.

DALAM SISTEM DEMOKRASI, KATANYA, KEKAYAAN RAKYAT ADALAH KEKAYAAN NEGARA DAN KEKAYAAN NEGARA ADALAH KEKAYAAN RAKYAT KERANA KERAJAAN SEMATA-MATA SEBAGAI PENGURUS YANG MENGURUS SEGALA KEGIATAN BERSANGKUTAN DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA. -- LAGI 2114/00

MAHATHIR-PENIAGA 2 KUALA LUMPUR 'R'R'R'

JAMBAHNYA LEBIH BANYAK KEKAYAAN YANG DIKELUARKAN HASIL-USAHA RAKYAT, LEBIH BANYAKLAH PENDAPATAN NEGARA YANG AKAN DAPAT DISALURKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBEKALKAN SEGALA INFRASTRUKTUR YANG DIPERLUKAN OLEH MASYARAKAT.

+KITA MASIH MISKIN DENGAN PENDAPATAN PER KAPITA RAKYAT MALAYSIA CUMA US\$2,000 SETAHUN ATAU LEBIH, SEDANGKAN DI NEGARA MAJU PENDAPATAN MEREKA ADALAH US\$8,000 .

+TETAPI RAKYAT DI SEMUA PERINGKAT MENDESAK UNTUK MENDAPAT INFRASTRUKTUR YANG SETARAF DENGAN RAKYAT NEGARA MAJU+, KATANYA.

KATANYA JIKA INGIN KEPADA SEMUA KEMUDAHAN ITU, NEGARA PERLUKAN HASIL YANG LEBIH TINGGI YANG BERMAKNA DAYA PENGELUARAN RAKYAT MESTILAH DIPERTINGKATKAN SECEPAT MUNGKIN.

PERDANA MENTERI DUKACITA KERANA MASIH TERDAPAT ORANG YANG TIDAK FAHAM DENGAN MAKSUD PERSYARIKATAN MALAYSIA YANG BERTUJUAN MEWUJUDKAN SATU PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA ANTARA SEKTOR SWASTA DAN AWAM.

+SAYA MENERIMA CADANGAN SUPAYA SAYA MENJADI PENGARAH SYARIKAT-SYARIKAT YANG DITAJA OLEH ORANG RAMAI KERANA MEREKA BERPENDAPAT BAHAWA DASAR ITU BERMAKNA KERAJAAN BERNIAGA SEBAGAI SYARIKAT BERSAMA DENGAN SWASTA+, KATANYA.

BELIAU MENJELASKAN KONSEP ITU ADALAH GELARAN BAGI SEBUAH NEGARA DI MANA KERAJAAN DAN SWASTA BEKERJASAMA UNTUK MENJAYAKAN EKONOMI NEGARA SEOLAH-OLAH NEGARA ADALAH SEBUAH SYARIKAT YANG KERAJAAN DAN SWASTA MANJADI RAKAN. -- LAGI 2127/00

KATANYA KERJABAMA ITU AMATLAH LOJIK KERANA KEUNTUNGAN PIHAK SWASTA AKAN MENGUNTUNGAN KERAJAAN DAN NEGARA MELALUI PENDAPATAN HASILNYA, SEBALIKNYA KERUGIAN OLEH PIHAK SWASTA BERMAKNA KERAJAAN TIDAK MENDAPAT HASIL.

TAMBAHNYA JANGANLAH PULA DIANGGAP PARA PEGAWAI KERAJAAN SEBAGAI ORANG SURUHAN YANG BOLEH DIARAH BUAT ITU DAN INI, SEBALIKNYA HENDAKLAH DIGUNAKAN OLEH PIHAK SWASTA UNTUK MENDAPAT KERJASAMA.

+SEELOK-ELOKNYA PERHUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK HENDAKLAH MERUPAKAN PERHUBUNGAN ANTARA RAKAN PERKONGSIAN DAN BUKAN SEBAGAI TUAN DAN ORANG SURUHAN+.

BELIAU JUGA MENARIK PERHATIAN TENTANG ORANG-ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SEPERTI PEMAJU PERUMAHAN PALSU DAN LAINA-LAIN LAGI.

WALAUPUN JUMLAH GOLONGAN ITU KECIL, NAMUN KESANNYA AMATLAH BURUK KEPADA MASYARAKAT DAN MUNGKIN AKAN MENGAKIBATKAN PENGGUNA HILANG KEPERCAYAAN DAN INI AKAN MENGAKIBATKAN SEMUA PERNIAGAAN AKAN MENJADI MALAP.

KATANYA MUNGKIN KEADAAN ITU BELUM BEGITU BERLELUASA DI NEGARA INI TETAPI KEADAAN MEMERLUKAN TINDAKAN YANG TEGAS. -- BERNAMA